

Sekapur Sirih



MOHD REDZA BIN MOKHTAR
(AJK Pengurusan KTU)

B Mula mendapat pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Minden Height, Penang dan SMKA Maahad Hamidah Kajang. Beliau mengambil Sijil Penyelenggaraan Bangunan di Akademi Binaan Malaysia (ABM), Sijil Pegawai Perlindungan Sinaran di Agensi Nuklear Malaysia (ANM) yang dulu dikenali oleh Malaysian Institute Nuclear Technology (MINT), dan Sijil Pegawai Keselamatan dan Kesihatan di National

Institute of Occupational Safety and Health (NIOSH). Kemudian beliau bekerja sebagai Pegawai Perlindungan Sinaran di beberapa buah syarikat di Selangor, Penang dan Johor. Menyertai syarikat minyak dan gas di Sarawak sebagai Pegawai Perhubungan Teknikal. Kemudian kembali semula ke semenanjung kini beliau perniagaan sendiri dalam bidang pembinaan, pengubahsuaian rumah dan pembekalan makanan.

Alhamdulillah syukur ke hadrat Illahi, selawat dan salam ke atas Rasul junjungan Nabi Muhammad S.A.W.. Tahniah kepada sidang pengarang buletin KTU diatas penghasilan Jilid ke 7 dan yang pertama dalam tahun 2019 ini.

2019 merupakan dunia baru. 2018 telah ditinggalkan pergi. Tiada siapa yang mampu menentang hukum masa. Demi masa. Sesungguhnya manusia itu dalam kerugian. Kecuali orang-orang yang beriman dan beramal soleh, dan mereka pula berpesan-pesan dengan kebenaran serta berpesan-pesan dengan sabar. Suatu masa dahulu, 34 tahun yang lepas, pelajar-pelajar terawal Kelas Tahfiz Ummah berusia diantara 7-12 tahun dan kini ada diantara mereka melebihi usia 40 tahun. Anak kecil ini suatu ketika dahulu selepas balik sekolah kebangsaan, bersiap pula untuk ke sekolah mengaji

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

(sekolah agama), kini telah menjadi pemimpin masyarakat, organisasi mahupun keluarga.

Kelas Tahfiz Ummah merupakan satu kewujudan sebuah keluarga, sebuah sistem, satu jaringan yang berhubung seperti sendi dalam masyarakat sekeliling. Setiap sendi ada peranannya untuk mencapai misi sekaligus merealisasikan visi KTU. Bermula ibubapa yang memberi komitmen menghantar anaknya setiap hari, guru-guru yang saban tahun mengulangi silibus yang sama cuma berbeza penuntutnya manakala anak-anak kecil ini belajar di sini tanpa lelah menimba ilmu agama untuk mempersiapkan diri di masa hadapan. Sejajar dengan misi ABIM untuk membina dan memimpin generasi Khayra Ummah, KTU merupakan antara medium

dalam merealisasikan misi tersebut dan komited menjayakan misi tersebut hingga kini. KTU telah melalui satu perjalanan yang jauh dan tetap meneruskan perjalanan ini untuk melihat ilmu agama berkembang mekar di jiwa-jiwa pewaris Bandar Baru Bangi.

Dalam mengharungi perjalanan yang panjang ini, terlintas di hati kami untuk melihat wujudnya alumni KTU. Oleh itu, kami menyeru bekas pelajar, bekas pengajar ataupun bekas tenaga kerja KTU untuk sama-sama berada dalam komuniti ini supaya jaringan ini lebih kuat dan luas untuk kita mengaturkan aktiviti yang bermanfaat, mendapat bantuan kepakaran dan tenagakerja untuk alumni, pelajar-pelajar yang sedia ada mahupun KTU itu sendiri selain mengeratkan ukhuwah sesama kita. Sekian, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

TAKWIM KTU 2019

JANUARI	FEBRUARI	MAC	APRIL
<ul style="list-style-type: none"> 1-1-19 : Cuti Tahun Baru 2-1-19 : Hari Penggal Pertama Persekolahan Bermula 21-1-19 : Cuti Thaipusam 		<ul style="list-style-type: none"> (23-31)-3-19: Cuti Pertengahan Penggal Pertama 	<ul style="list-style-type: none"> 3 - 4 -19 : Cuti Israk & Mikraj

SIDANG PENGARANG

PENASIHAT :

**DR HAJI WAN FUAD BIN WAN HASSAN
USTAZ MAT AZID BIN KADIR**

KETUA PENGARANG :

MUHAMMAD RIDWAN BIN ABDUL RAHMAN

PENGARANG :

**ATIFAH BINTI MOHD NOR
NORAZELA BINTI MAT JAMIL
FADLINA BINTI KAMIS**

**NUR AIN NADHIRA BINTI MOHD AMIR
SALIHATON RAPEAH BINTI SHARUDIN**

EDITOR :

**SARIMAH BINTI SABU
NUR AIN NADHIRA BINTI MOHD AMIR**

PEREKA GRAFIK :

**SITI NUR KHADIJAH BINTI MD YUSOFF
USTAZ MAT AZID BIN KADIR**

MENGENAL KECERDASAN PELBAGAI UNTUK MEMPELBAGAI KAEDAH PENGAJARAN

Panduan Modul intervensi Penaksiran Psikometrik menjelaskan tentang Inventori Kecerdasan Pelbagai. Terdapat Sembilan konstruk yang dapat mengukur kecenderungan dan minat murid. Inventori ini juga menggambarkan potensi diri murid untuk menceburi bidang pembelajaran, aliran dan pekerjaan.

Dengan Mengetahui kebolehan, minat dan keupayaan murid, guru akan dapat memahami kekuatan dan kelemahan murid yang boleh dibanggakan untuk meningkatkan perkembangan pembelajaran murid dan pertumbuhan peribadi murid. Terdapat Sembilan jenis kecerdasan yang dapat diukur melalui Inventori Kecerdasan Pelbagai.

Kecerdasan Verbal Linguistik

Kecerdasan verbal linguistik ini boleh dipupuk oleh guru dengan aktiviti yang melibatkan kemahiran berbahasa. Guru juga boleh menggunakan pelbagai bentuk Bahasa dan perkataan untuk melahirkan makna yang kompleks dan indah. Murid yang mempunyai kecerdasan jenis ini suka membaca, menulis dan bercerita. Untuk merangsang kemahiran murid, guru boleh memberi projek bacaan dan penulisan dan menyediakan permainan bahasa seperti teka silang kata dan mencari perkataan serta menggalakkan pelajar bermain kata-kata dan kiasan, dengan merakam percakapan sendiri dan mendengar semula sebutan serta intonasi menggunakan bahasa dengan efektif secara verbal dan bertulis serta boleh berkomunikasi dengan lancar.

Visual Ruang

Murid mempunyai daya imaginasi yang tinggi terhadap sesuatu ruang dan banyak idea yang kreatif, suka kepada gambar, graf, video dan filem serta mempunyai kemahiran mereka cipta. Murid boleh dilatih untuk meningkatkan kemahiran ini melalui aktiviti seperti melihat peta, membuka dan memasang semula sesuatu, menconteng, melu-

kis, mewarna atau mencipta gambaran 3 Dimensi. Dengan ini memberi peluang murid menunjukkan kefahaman melalui lukisan dan memberi ruang mereka mencipta sesuatu seperti bangunan, fesyen pakaian dan pemandangan.

Logik Matematik

Murid boleh menaakul, mentafsir dan menyelesaikan masalah yang berkaitan dengan nombor. Murid yang mempunyai kecerdasan jenis ini suka kepada aktiviti yang melibatkan mereka bekerja dengan nombor. Mereka mempunyai rasa ingin tahu bagaimana sesuatu itu berfungsi. Murid juga suka bertanya mengapa dan bekerja dalam situasi yang memerlukan penyelesaian yang tepat. Untuk meningkatkan kecerdasan murid, guru boleh menggunakan aktiviti pengajaran seperti menggunakan permainan strategi, melibatkan murid menunjukkan kefahaman dengan menggunakan objek konkrit, membina rajah Venn dan mewujudkan aktiviti membuat garis masa dan melukis peta.

Muzik

Murid mempunyai kecekapan berkaitan dengan muzik, mendengar dan mengecam paten, membezakan antara bunyi dan cipta muzik. Aktiviti pengajaran guru boleh meningkatkan kecerdasan jenis ini dengan menjalankan aktiviti seperti memasukkan aktiviti menulis semula lirik lagu untuk mengajar murid konsep sesuatu. Murid akan dapat mengingat fakta dengan lebih cepat dan berkesan.

Naturalis

Kecerdasan kelima ialah kecerdasan yang dicirikan oleh murid yang peka terhadap kehidupan alam sekitar dalam kategori flora, fauna dan galian. Murid akan nampak pertalian dan pola dalam alam tumbuhan dan haiwan. Guru boleh menggunakan persekitaran sebagai bilik darjah, memberi murid tanggungjawab mengendalikan sudut tumbuh-tumbuhan dan haiwan, menjalankan eksperimen secara 'hand-on' dan menggalakkan murid mereka bentuk landskap kawasan persekitaran.

Kinestetik

Kecerdasan ini dicirikan oleh murid yang boleh menggunakan sebahagian atau keseluruhan anggota badan dalam menyelesaikan masalah. Agar murid

dapat mengukuhkan kemahiran sedia ada dengan objek dan aktiviti yang melibatkan kecekapan motor halus dan motor kasar. Guru boleh memberikan aktiviti sentuhan dan pergerakan seperti berlakon, menjahit. Di rumah juga ibubapa boleh melibatkan murid dalam aktiviti memasak di dapur, berkebun dan memperbaiki perkakas rumah.

Interpersonal & Intrapersonal

Kecerdasan ini menjadikan murid dapat berkomunikasi, menjalin hubungan dan membina kepercayaan orang lain. Selain itu murid akan berupaya membimbing individu untuk saling memahami perasaan dan 'mood' orang lain. Murid juga akan dapat memahami dan berinteraksi secara berkesan dengan orang lain. Murid akan suka berkawan, memimpin, berkongsi dan menjadi orang pengantara, membina persetujuan dan rasa lebih empati dengan orang lain, bekerja sebagai ahli kumpulan yang berkesan dan belajar secara koperatif.

Kecerdasan Intrapersonal pula ialah kecerdasan yang menghasilkan murid yang boleh membuat penilaian sendiri dan menggunakan maklumat untuk mengawal diri serta membuat pertimbangan sendiri. Murid suka mendalami dan meneruskan minat peribadi, belajar melalui pemerhatian dan mendengar, boleh mengawal 'mood' dan emosi sendiri serta menggunakan kecekapan metakognitif. Guru boleh membantu meningkatkan kecerdasan jenis ini dengan memberi murid belajar pada kadar sendiri, memberi projek individu pada kadar sendiri, membantu murid menetapkan matlamat, memberi peluang murid mendapatkan maklumbalas antara satu sama lain dan melibatkan murid dalam menulis jurnal dan lain bentuk refleksi.

Eksistensial

Murid mempunyai keupayaan atau kebolehan untuk memahami perkara-perkara berunsur falsafah yang berkaitan kewujudan tuhan dan fitrah makhluk. Memberi pendedahan pada individu untuk lebih memahami tentang kebaikan dan keindahan serta berupaya meringkaskan maklumat ke dalam pemahaman yang lebih besar dan melihat sesuatu secara holistik.



Nurhayati binti Ibrahim
Ketua HELWA ABIM Bangi

BENGKEL RPH & PENDIDIKAN AL-HIKMAH KELAS TAHFIZ UMMAH

Falsafah Pendidikan Al-Hikmah

Pendidikan Islam adalah proses pembinaan dan penyempurnaan insan mukmin yang berilmu, berhikmah, berketerampilan, beriltizam nilai kesahihan dan setia melaksanakan tanggungjawab pengabdian serta kebaktian.

Berpandukan petunjuk wahyu dan berlandaskan Aqidah Islamiyyah yang berteraskan tauhid, usaha ini bermatlamat membentuk peribadi Rabbani yang padu, seimbang dan murni demi mencari redha Allah. Bagi pihak pengurusan tahfiz untuk mewujudkan karakter Al Hikmah yang diingini dalam pengajaran dan pembelajaran telah mengadakan bengkel RPH kepada semua guru tahun 1-6 bagi sesi 2019.

Bengkel RPH ini diadakan bertujuan untuk memberi kefahaman kepada guru-guru di Kelas Tahfiz dan penambahbaikan bagi memastikan inisiatif yang dicadangkan dapat dilaksanakan dengan sempurna.

Sesi bengkel RPH yang pertama telah berlangsung di pejabat Kelas Tahfiz Ummah, dikelola oleh pengetua Ustaz Mat Azid Bin Kadir dan dibantu



oleh 5 penyelia. Manakala bengkel seterusnya diadakan di Masjid Teras Jernang dan pihak KTU telah menjemput Puan Hajah Rohana Binti Kamaruddin untuk memberi ulasan mengenai RPH Al Hikmah.

Sesi pembentangan RPH berjalan dengan lancar dan memberi kefahaman kepada guru-guru untuk menulis RPH harian dalam pengajaran dan pembelajaran di Kelas Tahfiz Ummah bagi sesi 2019. Oleh itu, guru dapat mempertingkatkan persediaan proses pengajaran dengan melaksanakan sistem RPH yang baru dengan baik dan berhikmah. Diharapkan semua guru dapat melaksanakan sistem RPH yang baru ini dengan baik.

KARYA PELAJAR

Nur Hana Lutfiya
binti Mohd Amir
Tahap 1

١	واحد	٦	ستة
٢	اثنان	٧	سبعة
٣	ثلاثة	٨	ثمانية
٤	اربع	٩	تسعة
٥	خمس	١٠	عشرة

Nur Aina Fitri
binti Mohd Amir
Tahap 6

Nur Aisy Shauqeena
binti Mohd Sayuti
Tahap 3

باديک تخکل بومام ايسترى دان انفن ملور. باديک بکرميا دهوتن منپاري کليو. باديک مدغ منبخ قولوق. سخ کلمباي ايشين منولوق باديک دغن ساتر شرط لموپور يائنه سومبوغ دان هندقله منولوق اورغ سوسه. کان سخ کلمباي. سيق ايت. باديک منداقت ذرقي يخ باهر. باديک لوقا ديري مثله ميدوق ميواه. باديک لوقا يخ دهولر ميدوقن ميسکين. باديک مقلالو اورغ ميسکين يخ ميسنا قولوقن درودن. باديک مغمو پيکن ملور دغن اورغ کلي. باديک منجموت اورغ کلي مجلس قولوقن ايت. کندوري ملور دادانن مهادا بسر-بسر. باديک بواين مکه. سخ کلمباي دانغ لکندوري ايت. گامو ميسکين قولوق کلامو ذري سيني ارتخکيخ باديک. باديک. الوله سخ کلمباي. انور سومبوي تاو جادي بانو کات سخ کلمباي. معاقرن الو. انور برينبي تيدق. اني سومبوغ لاني. ذيو باديک اميرت باديک منپادي باشر.

* ذخا پرنش اياه کيت تيدق بوليه برسکفا سومبوغ.



KEMBARA ACEH

KELAS TAHFIZ UUMMAH

Usaha ini telah dibuat untuk merealisasikan Sasaran Pengurusan KTU untuk menghadihkan Anugerah Perkhidmatan kepada staf yang berkhidmat lebih 15 tahun di KTU. Tujuan program lawatan ini adalah untuk memberi pendedahan tentang perlunya usaha, kesabaran, ketekunan dan ketelitian dalam meningkatkan prestasi tugas harian dan kehidupan kita.

Seramai 46 orang peserta telah mengikuti lawatan ini yang mana telah dibahagikan kepada 2 kumpulan iaitu kumpulan pertama yang berlepas pada 4-6 Dec 2018 seramai 25 orang peserta manakala pada 19-22 Dec 2018 giliran kumpulan kedua seramai 21 orang peserta.

Antara tempat-tempat bersejarah yang telah kami lawati ialah kapal terdampar di atas bumbung rumah, Kapal besi, Kubah terdampar di tengah sawah, Pusat Latihan Dakwah Aceh dan pelbagai lagi tempat yang menarik dan bersejarah dari kesan-kesan tsunami.

Semoga catatan ringkas ini dapat memberi ibrah



kepada kita agar lebih prihatin dan sensitif dengan kesukhsahan yang dialami oleh orang lain serta dapat meningkatkan motivasi dalam diri dan lebih bersemangat untuk menyampaikan ilmu dalam bidang pendidikan.

Alhamdulillah kembara ke Banda Aceh ini dapat dilaksanakan dengan lancar mengikut perancangan. Jutaan terima kasih diucapkan kepada Pihak Pengurusan KTU dan Tuan Hj Mokhtar Bin Hj Adnan yang telah mengetuai kembara ini dengan jayanya.

MAJLIS ANUGERAH KECEMERLANGAN 2018

Penyampaian hadiah merupakan acara tahunan yang terakhir di KTU. Pada tahun lalu Majlis Penyampaian Hadiah diadakan di Dewan Sri Akasia Anti Dadah Kebangsaan yang berlangsung pada 20 November 2018. Majlis dirasmikan oleh yang berbahagia Ustaz Hj. Ruzmi Bin Mohd Rawi, Penyelia Kanan Pengurusan

Pejabat Pendidikan Islam Daerah Hulu Langat (JAIS). Majlis penyampaian hadiah diadakan bagi menghargai dan mendorong semangat kepada pelajar yang cemerlang dalam peperiksaan akhir tahun bermula dari tahun 1 hingga tahun 6 yang mendapat keputusan cemerlang dari tempat pertama hingga ketiga.





Majlis Khatam Al Quran kali ke 31 telah berlangsung pada 11 hb Nov 2018 yang bertempat di Masjid Teras Jernang untuk meraikan 263 orang murid di semua cawangan Kelas Tahfiz Ummah Bandar Baru Bangi.

Tujuan majlis ini diadakan adalah untuk meraikan pelajar tahun enam yang telah khatam Al Quran. Majlis ini di rasmikan oleh Ustaz Abdul Halim bin Muhammad selaku Pengerusi KTU dan khatam Al Quran kali ini di bimbing oleh Ustaz Muhammad Fadhilah Al Hakam bin

Othman. Dengan wujudnya majlis ini ia dapat memberi suntikan kepada pelajar2 agar menjadikan Al Quran dan Al Sunnah sebagai panduan hidup serta dapat menghayati ajaran yang berteraskan Al Quran dan As Sunnah dalam kehidupan harian.

“ *Sebaik-baik manusia di antara kamu adalah orang yang mempelajari Al-Quran dan mengajarkannya.* ”
(Riwayat Bukhari)

BACALAH AL-QURAN !!

Sesungguhnya telah kami turunkan kepada kamu sebuah kitab yang di dalamnya terdapat sebab-sebab kemuliaan bagimu. Maka apakah kamu tiada memahaminya?
(QS, 21:10)

MAJLIS SOLAT HAJAT & BACAAN YASIN



Menjadi kelaziman bagi KTU mengadakan majlis solat hajat dan bacaan Yaasin untuk pelajar-pelajar yang bakal menduduki peperiksaan SPRA ABIM dan UPKK bagi tahun 5 serta PSRA JAIS bagi tahun 6. Majlis diadakan di Masjid Al-Umm pada 27 September 2018 untuk tahun 5 manakala 4 Oktober 2018 untuk tahun 6.

Objektif majlis merupakan ikhtiar terakhir dalam usaha mendapatkan kejayaan yang cemerlang dalam peperiksaan yang mereka hadapi. Semoga segala usaha dan ikhtiar mendapat keberkatan dari Allah S.W.T. Majlis dibimbing oleh saudara Saifullah Bin Mohammad Affendi dengan diselitkan sedikit ceramah motivasi untuk meraikan semangat pelajar.

Mintalah kepada Allah meskipun perkara remeh

“Wahai hambaku, kalian semua kelaparan kecuali orang yang aku berikan makan. Maka mintalah makanan kepadaKu, nescaya akan Aku berikan.”
[H.R. Muslim : 2577]


Dr. Abdul Halim Muhammad

Dr. Abdul Halim Muhammad dilahirkan di kampung Telok Panji, Kota Baharu, Kelantan pada 11 Disember 1945. Ibunya bernama Mek Wok binti Awang Long (rahimahallah) dan bapanya bernama Muhammad bin Musa (rahimahullah). Kedua – dua ibu bapa adalah buta huruf, tetapi tidak buta Quran, dan menghayati asas – asas agama dalam kehidupan harian mereka. Bagi mendapatkan perbelanjaan sara hidup, ibunya menoreh getah peninggalan pusaka keluarga dan bapanya pula bekerja memanjat pokok kelapa untuk mendapat nira bagi membuat manis. Pada musim menanam padi pula, mereka mengusahakan penanaman padi dari bendang peninggalan pusaka keluarga mereka. Dr. Abdul Halim mempunyai empat orang adik beradik termasuk beliau iaitu Muhd Uthman bin Muhammad (rahimahullah), Kalthum binti Muhammad (rahimahallah) dan Rafeah binti Muhammad.

Pendidikan

Dr. Abdul Halim menerima pendidikan rendah di sekolah Melayu Rambutan Rendang, Kota Baharu Kelantan pada tahun 1950 sehingga 1956, manakala Sekolah Menengah di Maahad Muhammadiyah pada tahun 1958 sehingga 1965. Kemudian diperingkat tinggi sambung ke Kolej Islam Melayu pada tahun 1966 selama 1 tahun, kemudian sambung ke Universiti Al – Azhar di Mesir pada tahun 1967 sehingga 1972. Selepas tamat pengajian B.A di Al – Azhar dalam bidang Syariah dan Undang – undang, beliau menyambung pengajian peringkat PHD di St. Andrews University, Scotland pada tahun 1974 sehingga 1977 dalam bidang Syariah Islam (Usul Fiqh).

Kerjaya dalam pendidikan

Pada tahun 1977, Dr. Abdul Halim telah kembali ke Malaysia dan berkhidmat di Universiti Kebangsaan Malaysia di Fakulti Pengajian Islam pada 1977 – 1985. Beliau mengajar dalam bidang Syariah dan pelbagai cabang ilmu, muamalat, jenayah dan usul fiqh. Kemudian tahun 1986 berkhidmat di Fakulti Undang – Undang. Tamat perkhidmatan pada tahun 2000 dan kontrak 10 tahun tamat 2009. Semasa berkhidmat di UKM, Dr. Abdul Halim terlibat juga dengan NGO Islam Angkatan Belia Islam Malaysia, bermula pada tahun 1980, di lantik sebagai yang dipertua ABIM Hulu Langat. Kemudian berpindah jawatan sebagai ketua BIRO Pendidikan. Semasa memegang portfolio ini beliau telah mewujudkan satu jawatan kuasa untuk melaksanakan program pendidikan dalam ABIM dan menerbitkan Jurnal Pendidikan Islam yang ulung. Maka pada tahun 80 – an dan 90 – an, program Taski, Tahfiz, diikuti dengan SRI dan SEMI. Dr Abdul Halim semasa memegang portfolio ini banyak terlibat dengan penubuhan Taski dan Tahfiz. Kurikulum Taski peringkat awal menekankan pengenalan Al – quran dan hafazan beberapa surah Quran. Selain daripada pendedahan kemahiran menulis dan membaca rumi dan jawi serta doa – doa dan adab – adab harian. Alhamdulillah, kesan daripada pendidikan Taski ini membawa anak – anak mampu membaca dan menulis serta dapat menghafaz beberapa surah Al – Quran, doa – doa harian dan adab – adab islamik. Kemudian selain daripada itu beliau membawa pendekatan baru dalam pengajian Al – quran untuk pelajar – pelajar Tahfiz yang mengikuti kelas Tahfiz ABIM dari kalangan pelajar yang berumur 7 tahun sehingga 12 tahun secara sambilan selama tiga jam, pagi atau petang bagi pelajar-pelajar yang mengikuti pelajaran rasmi di Sekolah Rendah. Pengajian Al – quran di tahfiz ini menekankan lima kemahiran iaitu membaca, menulis, menghafaz, dan menghayati Al – quran (5M). Pengajian Al – quran merupakan subjek utama, selain itu terdapat subjek – subjek

lain berkaitan fardhu ain, akidah, feqah dan akhlak, dan adab – adab harian dalam kehidupan mereka. Selain daripada penglibatan dalam pendidikan pra sekolah dan Tahfiz, Dr. Abdul Halim juga terlibat dalam menyediakan panduan untuk usrah dan tamrin ABIM. Tujuan panduan ini untuk memudahkan ahli – ahli ABIM mendahulukan usrah dan tamrin diberbagai peringkat melalui dua saluran pendidikan ini. ABIM dapat membina kaderisasi untuk menjalankan gerakan dakwahnya di peringkat ilmu dan bertindak mengislahkan masyarakat di lapangan penyediaan panduan usrah dan tamrin di dibukukan sewaktu beliau memegang jawatan sebagai Timbalan Presiden ABIM.

“Tuntutlah Ilmu”

Daripada Abu Hurairah RA bahawasanya Rasulullah SAW bersabda, “Sesiapa yang menempuh satu jalan untuk mencari ilmu-pengetahuan, maka Allah memudahkan baginya satu jalan untuk menuju ke syurga”.

(Hadith Riwayat Muslim)

Huraian Hadith:

- 1: Orang yang menuntut ilmu akan mendapat kemudahan dan pertolongan daripada Allah SWT, dan mendapat syurga di akhirat kelak.
- 2: Orang yang berilmu pengetahuan mempunyai kelebihan tertentu kerana ia dapat memberi petunjuk kepada kebaikan dan dapat membezakan yang hak dengan yang batil.
- 3: Orang yang menuntut ilmu akan dapat memberi faedah kebaikan pada dirinya, masyarakat dan negara.

Sumber:

Kitab Riyadhus Salihin

USRAH GABUNGAN :

SANTAPAN ROHANI PENYUNTIK SEMANGAT

Permulaan sesi persekolahan tahun 2019 ini bermula dengan suntikan semangat yang cukup bertenaga melalui USRAH GABUNGAN yang telah diadakan pada 16 Febuari 2019 bertempat di Tahfiz Al-Amirin.

Alhamdulillah, Syukur kehadiran Allah swt di atas keiznannya, pembentangan dan kupasan daripada Puan Norhayati Bt Ibrahim di atas tajuk "INSPIRASI BUAT PENDIDIK" yang mana sangat menarik dan mem-

beri input yang sangat diperlukan. Beliau merupakan ketua helwa ABIM-Bangi dan juga berkhidmat sebagai seorang guru kaunseling di Sekolah Menengah Kebangsaan Jalan 3 Bandar Baru Bangi.

Antara intipati yang disampaikan ialah sebagai pendidik mesti percaya pada peranan dan tindakan serta sebagai guru mestilah sentiasa menambah ilmu dengan membaca atau menghadiri majlis-majlis ilmu.


Saranan yang disampaikan menjadi suntikan semangat kepada guru dan staf bagi memulakan dan meneruskan perjuangan dalam mendidik anak-anak murid dan secara tidak langsung sebagai ibu dalam mendidik anak-anak di rumah.

Pihak KTU sangat berbesar hati dan mengucapkan ribuan terima kasih di atas kesudian beliau untuk memenuhi undangan kami. InsyaAllah.



999!! TAKLIMAT KEBAKARAN

12 Januari 2019, Pihak Bomba & Penyelamat a.k.a Abang Bomba telah dijemput untuk memberikan taklimat dan demonstrasi mencegah dan memadam kebakaran. 92 orang guru & staf KTU hadir dan 20 pelajar Tahfiz Surau Al-Amirin turut serta di majlis ilmu ini. Antara ilmu yang dapat dicapai adalah pengetahuan tentang punca-punca kebakaran dan cara penggunaan sistem



P.A.S.S. semasa menggunakan alat pemadam api (rujuk gambar). Target program pendedahan bahaya kebakaran ini, guru dapat meluaskan minda dan pemikiran terhadap kaedah yang sistematik dalam menyelamatkan diri dan mencegah risiko kebakaran di premis KTU. Pegawai bomba turut berkongsi panggilan kecemasan di Kawasan Bandar Baru Bangi boleh hubungi 03-8925 4444.



KEPUTUSAN PEPERIKSAAN 2018

8

KEPUTUSAN SIJIL PENILAIAN RENDAH AGAMA (SPRA ABIM) 2018 KELAS TAHFIZ UMMAH

BIL	TAHFIZ	JUM. CALON	8A	% 8A	% L	% 0A	GPS
1	AL-ABRAR	25	9	36.0	100	0	1.26
2	DAMAI	24	1	4.2	96.4	4.2	1.69
3	AL-KAUTHAR	12	3	2.5	100	8.3	1.71
4	AR-RAUDHAH	31	3	9.7	98.8	6.5	1.75
5	AL-IKHLAS	34	6	17.6	96	26.5	1.78
6	AL-AMIRIN	17	3	17.6	98.5	11.8	1.82
7	AS-SOBAH	16	0	0	96.1	13	1.83
8	AL-HASANAH	17	2	11.8	100.0	6.0	1.85
9	AL-IKHWAN	27	4	14.8	94.4	7.4	1.93
10	AL-MADANI	29	1	3.4	97	0	2.02
11	BANGI 3	73	0	0	94.7	0	2.1
12	AN-NUR	10	0	0	96.3	0	2.29
13	AL-EHSAN	17	1	5.9	91.9	5.9	2.34

KEPUTUSAN PENILAIAN SIJIL RENDAH AGAMA (PSRA JAIS) 2018 KELAS TAHFIZ UMMAH

BIL	TAHFIZ	MUMTAZ	JAYYID JIDDAN	JAYYID	MAQBUL	MUSAADAH	JUM. CALON	CALON TH	JUM. LULUS	% LULUS
1	DAMAI	17	6	-	-	-	23	-	23	100%
2	AL-ABRAR	13	14	4	1	-	32	-	32	100%
3	AL-HASANAH	14	8	1	-	-	23	-	23	100%
4	AR-RAUDHAH	15	10	-	1	-	26	-	26	100%
5	AN-NUR	1	5	4	1	-	11	-	11	100%
6	AL-EHSAN	1	11	13	3	-	29	1	28	100%
7	AS-SOBAH	8	15	8	2	-	33	-	33	100%
8	AL-MADANI	3	13	5	-	-	21	-	21	100%
9	AL-KAUTHAR	4	5	1	1	-	11	-	11	100%
10	AL-AMIRIN	3	12	3	-	-	18	-	18	100%
11	AL-IKHLAS	5	8	2	2	-	17	-	17	100%
12	BANGI 3	8	33	14	3	1	59	-	58	98.31%
13	AL-IKHWAN	7	11	6	3	-	27	-	27	100%
	JUMLAH	99	151	61	17	1	330	1	328	99.39%

KEPUTUSAN UJIAN PENILAIAN KELAS KAFA (UPKK) KELAS TAHFIZ UMMAH 2018

BIL	NAMA TAHFIZ	KOD SEKOLAH	MARKAH										JUM. CALON
			8A	7A	6A	5A	4A	3A	2A	1A	0A	TH	
1	Sri Madrasah Ummah Damai	BJJ4024	5	5	5	3	4	1	2	2	0	1	28
2	Sri Madrasah Ummah Al-Madani	BJJ4014	1	4	8	3	8	5	0	0	0	0	29
3	Sri Madrasah Ummah Al-Ikhlash	BJJ4016	0	16	3	4	2	3	3	3	0	0	34
4	Sri Madrasah Ummah Al-Kauthar/ Al Amirin	BJJ4015	12	15	10	4	2	11	1	2	0	0	57
5	Sri Madrasah Ummah Al - Ikhwan	BJJ4017	1	9	7	1	2	2	3	0	2	0	27
6	Sri Tahfiz Ummah Bangi 3	BJJ4007	0	15	8	13	17	17	7	0	1	0	78
7	Sri Madrasah Ummah An Nur/ Al Ehsan	BJJ4010	0	5	4	4	3	4	3	2	3	0	28
8	Sri Madrasah Ummah Raudhah	BJJ4009	0	2	12	5	3	4	4	3	0	1	34
9	Sri Kelas Tahfiz Ummah As Sobah	BJJ4006	4	8	3	7	6	4	3	0	1	0	36
10	Sri Madrasah Ummah Al-Abrar/ Al Hasanah	BJJ4023	3	22	12	9	9	5	0	0	0	1	61
	JUMLAH KESELURUHAN		26	101	72	53	56	56	26	12	7	3	412